

## **BIODATA**

### **HJ. ZAINAL BUANG HUSSEIN**

Hj Zainal Buang Hussein dilahirkan pada 1954 di Kluang, Johor. Beliau mula meninggalkan alam persekolahan pada usia 17 tahun dan menyara hidupnya dengan melakukan berbagai kerja seperti menoreh getah, bekerja kontrak, melatih artis dan juga menerbit buku/majalah. Antara organisasi yang pernah beliau bertugas termasuk Pustaka Pendidikan Sdn. Bhd. ( 1973 – 1974 ), Longman ( Malaysia ) Sdn. Bhd. ( 1974 – 1975 ), Utusan Melayu ( 1975 – 1976 ) dan Cretive Enterprise pada tahun 1976 – 1996.

Hj Zainal Buang Hussein merupakan antara nama besar dalam dunia kartun dan kartunis di Malaysia di samping Dato' Lat dan Rejabhad. Telah memenangi Anugerah Lukisan Terbaik ASEAN pada tahun 1985 di Brunei.

Hj Zainal Buang Hussein bergiat aktif dalam beberapa pertubuhan seperti PAMAJA (Programme Association for Malaysia and Japan), Presiden PERKATUN (Persatuan Kartunis Wilayah Persekutuan dan Selangor) sejak tahun 1995 sehingga kini. Beliau juga aktif dalam penulisan dan telan menghasilkan sembilan novel yang diterbitkan oleh Cretive Enterprise Sdn. Bhd. Antara novel yang mendapat sambutan ialah Debu – Debu Di Kaca, Diulit Mimpi dan Sarakah. Karya beliau banyak berorientasikan dunia kartunis itu sendiri. Pada masa kini beliau aktif menghasilkan karya di ruangan tetap majalah Gila – Gila dengan watak – watak seperti Kutu, Tong Kosong dan Wak Punk. Salah satu impian terbesar beliau adalah untuk menujuhkan Akademi Kesenian Malaysia khusus bagi kesenian kartun dan ilustrasi yang menjurus kepada tujuan untuk mendidik, memperkembangkan dan melahirkan kartunis dan ilustrator dari Malaysia bagi diketengahkan bakat dan kemampuan mereka di peringkat antarabangsa.

Koleksi beliau merangkumi hampir kesemua hasil kerja beliau termasuk lukisan asli yang berbentuk abstrak, kartun ( karikatur ), manuskrip novel dan koleksi gambar. Koleksi ini juga termasuk satu lukisan asli yang telah memenangi tempat pertama

dalam pertandingan Lukisan Asean di Brunei. Pernah mewakili Malaysia di Simposium dan Pameran Kartunis Asia di Fukuoka, Jepun pada tahun 1995. Koleksi beliau ini sudah pasti akan menjadi sumber rujukan/penyelidikan di kalangan kartunis baru, artis, ilustrator, novelis dan juga penuntut – penuntut pengajian tinggi dan juga peminat luar negara yang ingin tahu dengan mendalam tentang perkembangan dunia kartun dan kartunis di Malaysia.